

**DERAF TEKS UCAPAN**

**TUAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
SEMPENA  
PERHIMPUNAN KORPORAT  
12 DISEMBER 2013 (KHAMIS), JAM 8:30 PAGI  
DI RUANG LOBI IBU PEJABAT MPSP, BANDAR PERDA**

---

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**

Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga Kerja MPSP

---

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Pertamanya, syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapatlah kita berkumpul pada hari ini bagi Perhimpunan Korporat terakhir untuk tahun 2013.

Sebelum memulakan ucapan, disini ingin saya memperkenalkan Encik Ismail Abdul Manaf yang mula bertugas sebagai Ketua Unit OSC MPSP mulai 1 November 2013.

Untuk makluman semua,

**Pencapaian yang dikecapi pada tahun 2013**

Pada awal tahun 2013, MPSP telah melancarkan Fokus MPSP 2013. Sehingga bulan Oktober 2013, pencapaian yang dikecapi adalah seperti berikut:

<b>Fokus 2013</b>		<b>Purata Peratus Pencapaian (Oktober 2013)</b>
Fokus 1	Persekitaran Bersih	78.77%
Fokus 2	Mitigasi Banjir	78.91%
Fokus 3	Penyertaan Dan Kesejahteraan Komuniti	97.10%
Fokus 4	Pengindahan dan Penghijauan	63.47%
Fokus 5	Penguatkuasaan Bersepadu	96.00%
Fokus 6	Pengukuhan Keupayaan Kewangan	91.85%
Fokus 7	Pembinaan Kapasiti	72.30%
<b>Purata Peratus Pencapaian (Oktober 2013)</b>		<b>82.63%</b>

Pada tahun 2013 ini, MPSP telah menerima beberapa anugerah di peringkat negeri dan peringkat kebangsaan seperti ;

- Mendapat sijil Pejabat Hijau Pulau Pinang dari Penang Green Council
- Mendapat Sijil Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau melalui Penyediaan Kebun Kejiranan dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Mendapat Johan dalam Pertandingan Tandas Bersih (Kategori Jabatan Kerajaan)
- Mendapat Sijil OHSAS 18001:2007 diperolehi oleh MPSP pada tahun 2013 dan sah dalam tempoh 3 tahun
- Persijilan ISO 14001:2004 diperolehi sejak 2006 dan persijilan sah sehingga 2015
- Persijilan ISO 9001:2008 diperolehi oleh MPSP sejak 1999 dan persijilan sah sehingga 2014 oleh SIRIM

Tahniah diucapkan kepada semua kakitangan yang terlibat bagi pencapaian-pencapaian yang saya sebutkan tadi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Bagi memantapkan lagi pengurusan MPSP, pada tahun 2013 Majlis telah Jabatan Korporat Dan Perhubungan Antarabangsa. Jabatan ini bertindak sebagai Urusetia kepada Pejabat Yang Dipertua (YDP) dan Setiausaha Perbandaran(SUP) yang mana antara tugas bahagian ini adalah membekalkan maklumat dan data-data kepada Yang DiPertua / Setiausaha Perbandaran semasa menghadiri sesuatu mesyuarat atau digunakan oleh YDP/SUP dalam membuat sesuatu keputusan. Selain itu, fungsi dan tanggungjawab Bahagian Pembangunan Korporat adalah merangkumi tugas-tugas seperti berikut :

- Menyediakan kertas maklumat mengenai isu-isu yang ada kaitan dengan MPSP dan mengemaskini maklumat tersebut untuk dijadikan bahan rujukan YDP/SUP.
- Menyelaras surat-surat yang diterima dari Pejabat YDP/SUP untuk proses agihan kepada Jabatan yang berkenaan.
- Menyelaras semua maklumbalas mesyuarat yang berkaitan dengan MPSP seperti mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO), Post EXCO, Forum Perundingan Kerajaan Tempatan, Majlis Mesyuarat Kerajaan Kerajaan Tempatan, Majlis Negara Kerajaan Tempatan, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan & Audit serta agensi-agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri.
- Menyelaras soalan dan jawapan bagi soalan Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
- Menyelaras aduan-aduan dan soalan bertulis yang diterima daripada Pejabat Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO), Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Badan Pencegah Rasuah, Biro Pengaduan Awam, Persatuan Pengguna serta agensi-agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri.
- Bertindak sebagai sekretariat/urusetia dan penggerak bagi program-program kualiti MPSP serta menyelaras dan memantau pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MPSP dan lain-lain program peningkatan kualiti.

- Menyelaras lawatan ke luar Negara
- Membina, mengukuh dan memperluaskan jaringan komunikasi dengan Bandar-bandar antarabangsa
- Mempromosi aktiviti MPSP sebagai sebuah organisasi yang dikenali di peringkat antarabangsa

MPSP juga telah menubuhkan Jabatan Landskap bagi memantapkan kerja-kerja penyelenggaraan landskap di seluruh kawasan pentadbiran MPSP di Seberang Perai dan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran akan lebih fokus kepada kerja-kerja pembersihan. Objektif penubuhan Jabatan Landskap MPSP adalah untuk ;

- Mewujudkan persekitaran hidup yang bersih, indah, selesa serta selamat selaras dengan inisiatif Cleaner Greener Healthier Safer Penang.
- Memandu dan mengawal selia pembangunan landskap serta pemeliharaan pokok-pokok bagi seluruh Seberang Perai berdasarkan peruntukan di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Pindaan 1995) (Seksyen 35A – 35H Akta 172).
- Memelihara keseimbangan antara pembangunan dengan alam sekitar melalui pelaksanaan pembangunan landskap yang berkualiti dan mampan.
- Memastikan pembangunan landskap, taman-taman awam, kawasan lapang dan kemudahan rekreasi yang berkualiti, berdaya maju dan kos efektif.
- Menggalak pembangunan industri landskap di Seberang Perai

Disamping itu, Majlis juga telah menubuhkan Unit Warisan di Jabatan Bangunan bagi mengebalpasti bangunan warisan di Seberang Perai dan untuk dijadikan sebagai usaha-usaha bagi pemuliharaan harta warisan dan juga sebagai destinasi pelancongan di Seberang Perai. MPSP telah menerbitkan Seberang Perai Tourist Map dan kini dalam peringkat akhir bagi penerbitan Seberang Perai Coffee Table Book serta usaha ke arah penyediaan/penerbitan Heritage Trail di Seberang Perai.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Di sini, suka juga saya maklumkan bahawa bagi pembangunan di Seberang Perai, terdapat banyak permohonan pembangunan yang diterima oleh MPSP mulai Januari sehingga 11 Disember 2013. MPSP telah berjaya menyelesaikan sebanyak 1121 permohonan daripada 1409 permohonan dan statistiknya adalah seperti berikut ;

Jenis Permohonan	Bil. Mohon	<sup>^</sup> Permohonan Dalam Proses	Permohonan Selesai* (a) = b + c + d	Selesai* Dalam Piagam (b)	Selesai* Melebihi Piagam (c)	** Tempoh Tidak Dapat Ditetapkan (d)
Permohonan Serentak	64	<u>25</u> (39.06%)	<u>39</u> (60.94%)	<u>29</u> (74.36%)	<u>10</u> (25.64%)	0 (0.00%)
Kebenaran Merancang	297	<u>99</u> (33.33%)	<u>198</u> (66.67%)	<u>152</u> (76.77%)	<u>46</u> (23.23%)	0 (0.00%)
Pelan Kejuruteraan	616	<u>131</u> (21.27%)	<u>485</u> (78.73%)	<u>481</u> (99.18%)	<u>4</u> (0.82%)	0 (0.00%)
Pelan Bangunan	432	<u>23</u> (5.32%)	<u>409</u> (94.68%)	<u>348</u> (85.09%)	<u>61</u> (14.91%)	0 (0.00%)
CFO	0	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
<b>Jumlah</b>	<b>1,409</b>	<b>278 (19.73%)</b>	<b>1,131 (80.27%)</b>	<b>1,010 (89.30%)</b>	<b>121 (10.70%)</b>	<b>0 (0.00%)</b>

Bagi Rancangan Tempatan Daerah SPU dan SPT, MPSP telah selesai di peringkat program siasatan tempatan dan pendengaran awam manakala bagi Rancangan Tempatan Daerah SPS, ianya dalam peringkat semakan menyeluruh deraf akhir. Selepas semua proses selesai, MPSP akanewartakan Rancangan Tempatan Daerah bagi ketiga-tiga RTD ini. Ianya akan memudahkan MPSP dalam membuat keputusan bagi pembangunan yang mampan di Seberang Perai.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebagai makluman, projek-projek tebatan banjir yang telah siap di kawasan bukit mertajam adalah seperti berikut ;

<b>BIL</b>	<b>PROJEK YANG DILULUSKAN</b>	<b>KOS PROJEK</b>	<b>TARIKH SIAP</b>
1	Projek Tebatan Banjir Sungai Rambai: Sistem Perparitan Dan Rumah Pam Taman Desa Damai (Pakej 4) <b>(Pembinaan I&amp;R Sdn. Bhd.)</b>	1,150,166.40	24/03/11
2	Projek Tebatan Banjir Sg. Rambai : Sistem Perparitan & Rumah Pam Pakej 4 – Taman Desa Damai – Rumah Pam A <b>(Atra Padu Sdn. Bhd.)</b>	1,760,000.00	14/09/11
3	Menaiktaraf Parit Di Taman B, Bukit Mertajam, SPT <b>(Kalungan Unggul Sdn. Bhd.)</b>	228,800.00	26/10/11
4	Projek Tebatan Banjir Sg. Rambai : Sistem Perparitan & Rumah Pam Pakej 4 – Tman Desa Damai – Rumah Pam B <b>(PJM Bina Sdn. Bhd.)</b>	2,999,990.00	03/04/12
5	Projek Tebatan Banjir Sg. Rambai : Sistem Perparitan & Rumah Pam Taman Desa Damai (Pakej 4) - Perparitan Pakej B <b>(Esteem Agency)</b>	2,476,543.21	20/01/ 2013

6	Menaiktaraf Parit dan Kolam Takungan di Taman Remia, Bukit Mertajam, SPT <b>(Mulia Jernih Sdn. Bhd.)</b>	1,876,301.00	30/4/2013
7	Projek Tebatan Banjir Sg. Rambai : Sistem Perparitan & Rumah Pam Pakej 3 – Taman Makok Rumah Pam Zon 1 dan Zon 3 <b>(Tekas Jaya Sdn. Bhd.)</b>	1,730,000.00	06/04/12
8	Projek Tebatan Banjir Desa Damai – Rumah Pam SR 5 <b>(Kejuruteraan MECS (M) Sdn. Bhd.)</b>	532,194.16	16/07/10
9	Menaiktaraf Parit Di Taman Sejahtera Alma, SPT Dan Lain Lain Kerja Yang Berkaitan. <b>(HRJ Profil Sdn.Bhd.)</b>	912,963.00	06/05/13
	Jumlah	13,666,966.00	

Manakala bagi Projek Yang Sedang Dilaksanakan adalah seperti berikut ;

<b>BIL</b>	<b>NAMA PROJEK (KONTRAKTOR)</b>	<b>CATATAN</b>
1.	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Taman Sri Nibong, Nibong Tebal	Proses lantikan
2.	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Parit Konkrit Di Jalan Kuala Mengkuang, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah	Proses lantikan
3.	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Parit Konkrit Di Lebuhraya Binjai 3, Taman Sri Rambai, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah (Sebutarga Semula)	Jangkaan siap pada 11/12/13

4.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Taman Siakap, Seberang Jaya, Pulau Pinang	Telah iklan tender dan tutup pada 26/12/13
5.	Perlantikan Untuk Kajian Dan Menyediakan Pelan Sistem Perparitan Induk Di Kawasan Perindustrian Sg. Lokan	Dalam proses perlantikan perunding
6.	Cadangan Pemasangan Pintu Air Di Parit Monsun Taman Bagan	Dalam proses rekabentuk dan dokumentasi.
7.	Cadangan Menaiktaraf Parit Konkrit Di Taman Kerjasama, SPT	Dalam lantikan Jurukur Aras
8.	Cadangan Menaiktaraf Sistem Perparitan Di Lengkok Tenggara Seberang Jaya, SPT	Dalam lantikan Juruperunding C&S.
9.	Cadangan Pembinaan Rumah Pam Dan Naiktaraf Parit Di Taman Seri Jaya Dan Taman Sungai Rambai, SPT	Telah iklan tender dan tutup pada 24 /12/13
10.	Cadangan Kajian Mengatasi Banjir Di Taman Machang Bubok, SPT	Proses lantikan Juruperunding.
	Jumlah	9,176,417.00

Sementara Projek Dalam Rancangan adalah ;

- Menaiktaraf “Culvert Crossing” Dan Perparitan Di Taman Sri Kijang, Spt.
- Menaiktaraf Sistem Perparitan Di Jalan Kurau 1, Taman Chai Leng.
- Menaiktaraf Parit Di Taman Kepar / Taman Senangin.
- Menaiktaraf Parit Di Taman Machang Bubok.

Tuan-tuan dan puan-puan,

### **Pelan MPSP bagi tahun 2014**

MPSP mempunyai fokus terhadap tindakan-tindakan yang dilaksanakan supaya perancangan-perancangan yang direncanakan dapat diberi keutamaan yang jelas. Sebanyak 9 Fokus strategik telah digariskan dalam Pelan Strategik 5 tahun MPSP iaitu:

1. Kebersihan
2. Keselamatan dan Lalu lintas
3. Penguatkuasaan Undang-undang
4. Kawalan Banjir
5. Pengindahan, Kehijauan dan Kemudahan Awam
6. Penglibatan Komuniti
7. Pembinaan Kapasiti
8. Pengukuhan Fiskal
9. Kecekapan proses kerja

Pelan perancangan ini dirangka supaya dapat menangani pelbagai isu-isu semasa serta perancangan bagi mengukuhkan kedudukan kewangan Majlis. Intipati pelan tindakan ini adalah menjurus kepada peningkatan hasil dan penjimatan kos.

## **Cabaran yang akan dihadapi oleh MPSP pada tahun 2014**

- **Kewangan**

Dengan sumber kewangan yang terhad, kita harus berusaha bersungguh-sungguh untuk mengukuh dan memantapkan pengurusan sumber-sumber sedia ada untuk menampung perbelanjaan yang semakin bertambah terutamanya perbelanjaan mengurus termasuk aktiviti-aktiviti pembersihan, penyelenggaraan, pembaikan, emolumen, bekalan dan lain-lain. Pengumuman kenaikan kos bahan api baru-baru ini juga sedikit sebanyak akan memberi impak ke atas perbelanjaan mengurus Majlis.

Peruntukan berjumlah RM233.50 juta berbanding anggaran pendapatan sebanyak RM206.09 juta. Ini bermakna pada tahun 2014 bajet defisit berjumlah RM27.41 juta. Demi meneruskan perkhidmatan perbandaran yang terbaik serta tanggungjawab sosial Majlis kepada warga Seberang Perai maka bajet defisit ini tidak dapat dielakkan.

- **Pembersihan**

Pada tahun 2014, MPSP akan melaksanakan 100% kerja-kerja pembersihan bagi meningkatkan kebersihan di Seberang Perai. Oleh itu, mulai 15 November yang lalu, MPSP telah melantik 27

orang pembantu penguatkuasa yang bertindak sebagai Penyelia Kebersihan di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran bagi meningkatkan keberkesanan kerja. Ini juga akan menyebabkan kos pengurusan meningkat. Selain itu, bagi meningkatkan kebersihan, kita juga telah menggantikan tong sampah roro dengan tong sampah plastik MGB. Dengan ini kita dapat mengurangkan tenaga kerja. Contoh seramai 4 pekerja dan seorang pemandu diperlukan untuk mengangkat tong sampah roro. Tetapi dengan tong plastik MGB, 2 pekerja dan seorang pemandu yang diperlukan sahaja. Harapan saya adalah supaya semua pegawai baru dengan semangat baru dan pengalaman yang baru dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab supaya kebersihan di kawasan masing-masing dapat ditingkatkan. Kalau dulu kurang memuaskan, sekarang bertambah baik, kalau dulu susah memuaskan, sekarang cemerlang. Pegawai-pegawai yang senior juga perlu menerima cabaran kemasukan pekerja baru dan bersentiasa berlumba-lumba meningkat prestasi untuk menjadikan Seberang Perai lebih bersih. Warga MPSP perlu menunjukkan contoh yang baik kepada semua masyarakat dengan menjaga kebersihan kawasan di sekeliling rumah dan melakukan pengagihan sisa di punca dan juga kitar semula.

- **Penyelarasan Maklumat Berperingkat**

Maklumat daripada audit keselamatan dan perlindungan telah dijalankan dan pihak MPSP dinasihatkan supaya pegawai yang menguruskan maklumat terperingkat haruslah mengambil perhatian dan tindakan bagi mematuhi arahan keselamatan kerajaan melibatkan dokumen-dokumen Rahsia Besar, Rahsia, Sulit dan Terhad.

- **Pengurusan**

Baru-baru ini, terdapat desas-desus bahawa warga kerja bawahan MPSP tidak diberikan peluang untuk mengikuti kursus atau seminar ke luar negara atau luar daripada Pulau Pinang. Disini saya ingin memaklumkan bahawa dalam perhimpunan korporat yang lepas, saya telah menyatakan setiap warga kerja MPSP berpeluang untuk untuk menghadiri sebarang kursus / latihan di luar negara atau luar dari Pulau Pinang dengan menyediakan satu kertas kerja yang menyakinkan dan boleh memberi impak kepada MPSP. Tuan-tuan dan puan-puan yang berminat boleh memaklumkan kepada Ketua Jabatan masing-masing untuk dirujuk ke Bahagian Latihan dan Kompetensi. Tetapi sehingga kini, saya belum menerima sebarang kertas kerja daripada tuan puan.

Untuk pengetahuan tuan-tuan dan puan-puan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menghantar Pengerusi Pusat Sumber Alam Sekitar Desa Damai iaitu Encik Ng Toh Heng ke Yokohama untuk mempelajari teknologi dan teknik berkaitan kitar semula dan pengkomposan sisa-sisa organik. Justeru, saya buka peluang untuk semua untuk mengemukakan kertas kerja kepada saya.

- **Pembangunan**

Tuan-tuan dan puan-puan, seperti yang kita sedia maklum, hari-hari tersiar dalam surat khabar dan berita berkenaan dengan keadaan cuaca yang tidak menentu dimana sehingga menyebabkan banjir lumpur dan banjir kilat di sesetengah kawasan. Pada pendapat saya, kita tidak boleh menyalahkan ketentuan Ilahi tetapi menyalahkan sikap diri kita sendiri yang tidak bertanggungjawab. Pegawai harus memastikan pemaju mematuhi kebenaran merancang dan kerja tanah yang telah ditetapkan. Saya menyeru kepada pegawai yang terlibat supaya memberi perhatian sepenuhnya kepada isu-isu ini. MPSP juga mempunyai sebuah sistem yang boleh dibanggakan iaitu Smart Monitoring System tetapi tidak dipantau sepenuhnya oleh warga kerja MPSP. Sistem ini banyak membantu dan dapat

menjimatkan masa sekiranya semua pegawai dapat menggunakan sistem pemantauan ini dengan sepenuhnya.

- **Penglibatan Komuniti**

Dalam penglibatan komuniti, saya berharap semua warga kerja MPSP boleh turut serta mengambil bahagian seperti dalam pengasingan sisa di punca, kitar semula dan lain-lain dijalankan di pejabat dan juga dipanjangkan di tempat tinggal. Sering kali, komuniti menjemput MPSP untuk turut serta dalam menjalankan aktiviti gotong-royong. Selain alatan gotong-royong dan tenaga kerja yang disediakan oleh MPSP, saya juga berharap penduduk dapat memberikan komitmen dan sama-sama terlibat dalam aktiviti gotong-royong.

Untuk makluman semua,

Mengikut statistik kutipan barangan kitar semula di Seberang Perai bagi tahun 2013 sehingga oktober 2013 dalam adalah seperti berikut;

JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	Jumlah (Tan)
15,980	16,853	15,948	17,461	19,341	18,222	15,064	15,015	17,531	18,907			170,322

Manakala bagi pencapaian Program Zero Waste di Ibu Pejabat MPSP bagi tahun 2013 sehingga September 2013 adalah seperti berikut ;

<b>MPSP Zero Waste</b>	
<b>Bulan</b>	<b>Beratan (Kg)</b>
Jan	1564.5
Feb	610
Mac	662
April	484
Mei	846.2
Jun	1010.5
Julai	403
Ogos	1280
Sept	2298
Okt	-
Nov	-
Dis	-
<b>JUMLAH</b>	<b>9,158.2</b>

Melalui penglibatan daripada komuniti, statistik aktiviti kompos bagi tahun 2013 adalah seperti berikut ;

BAHAN	2012	2013 (kg)										
		JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	JUMLAH
SAYURAN	252,747	9,470	6,810	8,440	8,410	8,610	9,450	6,110	5,050	6,074	4,829	<b>73,253</b>
BUAHAN	27,387	1,230	1,180	1,270	1,310	1,290	1,130	1,580	1,140	584	570	<b>11,284</b>
HAMPAS TEBU	36,903	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
IKAN & AYAM	52,828	2,450	2,420	1,670	1,420	1,030	1,150	1,660	1,198	630	12,491	<b>26,119</b>
LAIN-LAIN	264,832	11,213	8,780	8,040	6,190	9,223	9,780	10,110	15,352	19,729	20,595	<b>119,012</b>
<b>JUMLAH (Kg)</b>	<b>634,697</b>	<b>24,363</b>	<b>19,190</b>	<b>19,420</b>	<b>17,330</b>	<b>20,153</b>	<b>21,510</b>	<b>19,460</b>	<b>22,740</b>	<b>27,017</b>	<b>38,485</b>	<b>229,668</b>

Aktiviti Kitar Semula bagi Seberang Perai pada tahun 2013 sehingga Oktober telah berjaya mencapai 32.19% dan kita perlu lebih berusaha untuk mencapai kadar 34% pada tahun 2014. Berikut adalah statistik aktiviti kitar semula ;

TAHUN	2008	2009	2010	2011	2012	2013 (Sehingga Oktober)
<b>SISA (TAN)</b>	564,941	560,602	555,956.73	546,345.22	528,275.42	528,973.02
<b>KITAR SEMULA (TAN)</b>	124,121 (21.97%)	132,039 (23.55%)	129,804.44 (23.3%)	144,682.22 (26.48%)	157,286.54 (29.77%)	170,327.72 (32.19%)

Manakala bagi bilangan penggiat kitar semula di Seberang Perai bagi tahun 2013 sehingga Oktober, statistiknya adalah seperti berikut ;

Bil	Penggiat Kitar Semula	2013											Jumlah	
		2012	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt		
1	Sekolah Rendah	<b>67</b>	67	67	67	67	67	67	67	67	67	67	67	737
2	Sekolah Menengah	<b>44</b>	44	44	45	45	45	45	45	45	45	46	46	494
3	Institusi Pengajian Tinggi	<b>2</b>	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	22
4	NGO	<b>14</b>	14	14	14	14	14	14	14	14	4	14	14	154
5	Agen Kitar semula (pengusaha bebas)	<b>36</b>	36	36	36	36	36	36	36	36	6	36	36	696
6	Kilang	<b>113</b>	115	115	115	115	115	115	115	115	114	114	114	2260
7	Pusat pengumpulan (RA/RT/JKKK)	<b>32</b>	32	32	32	32	32	32	32	32	35	35	35	961
8	Agensi Kerajaan	<b>4</b>	4	4	4	4	4	4	4	4	5	5	5	47
<b>JUMLAH</b>		<b>312</b>	<b>314</b>	<b>314</b>	<b>315</b>	<b>315</b>	<b>315</b>	<b>315</b>	<b>315</b>	<b>315</b>	<b>318</b>	<b>319</b>	<b>319</b>	<b>9471</b>

Kita perlu lebih berusaha bagi mempertingkatkan lagi bilangan penggiat kitar semula bagi mengurangkan pelupusan sampah di Pulau Burung.

Mengikut statistik sampah yang dilupuskan di Seberang Perai mengikut bulan bagi tahun 2013 adalah seperti berikut ;

<b>BULAN</b>	<b>MPSP (tan)</b>	<b>MPPP (tan)</b>	<b>JUMLAH (tan)</b>
JAN	31,182	15,881	47,063
FEB	30,859	14,814	45,673
MAC	36,202	14,937	51,139
APR	40,098	14,802	54,900
MEI	38,827	15,017	53,844
JUN	35,290	15,664	50,954
JULAI	40,045	16,693	56,738
OGOS	35,554	16,365	50,920
SEPT	35,600	15,145	50,745
OKT	35,982	17,684	53,666
NOV			
DIS			
<b>JUMLAH</b>	<b>358,639</b>	<b>157,002</b>	<b>515,642</b>

Bagi program LA21, pelbagai pelaksanaan aktiviti LA 21 telah dijalankan dengan aktif pada tahun 2013, antaranya adalah ;

Bil	Aktiviti	2012	2013										Jumlah
			Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	
1	Ceramah / Pameran Kitar Semula	25	1	2	6	9	10	15	21	2	17	17	100
2	Lawatan Penerangan Ke Kilang	53	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
3	Aktiviti Penjualan Di Pusat Pengumpulan	195	22	44	60	115	165	184	202	20	21	21	854
4	Gotong-Royong	284	11	32	56	64	73	117	138	144	164	33	832
5	Aktiviti Pengkomposan	14	-	1	2	-	4	-	-	-	-	-	7
6	Ceramah / Aktiviti Sekolah Hijau	23	-	-	5	9	24	29	38	2	9	9	125
7	Hasilan Sabun Dari Sisa Lemak	10	2	3	-	-	-	-	-	-	-	-	5
8	Mud Ball	20	1	2	3	5	6	-	-	-	-	-	17
9	Kempen Pengurangan Bag Plastik	1	1	15	-	-	-	-	-	-	-	-	16
<b>JUMLAH</b>		<b>625</b>	<b>38</b>	<b>99</b>	<b>132</b>	<b>202</b>	<b>282</b>	<b>345</b>	<b>399</b>	<b>168</b>	<b>211</b>	<b>80</b>	<b>1956</b>

Kini, terdapat Sebanyak 8 buah Taman Perumahan terlibat dalam *community farming* bagi tempoh Januari hingga Oktober 2013 iaitu di ;

- Taman Putri Gunung
- Taman Tambun Indah
- Taman Keenways
- Taman Belimbing
- Taman Gemilang
- Pusat Sumber Alam Sekitar, Permatang Nibong
- Taman Janggus Jaya
- PPR Ampangan, Permatang Pauh

Sementara bagi Aktiviti Sisa Sifar (Komuniti), yang terlibat bagi pelaksanaannya adalah di ;

- Taman Bagan Lalang
- Perkampungan Permatang Nibong
- Taman Tambun Indah
- Taman Keenways
- Taman Desa Damai
- Megamal Pinang
- Kampung Aman

Bagi PROGRAM SISA SIFAR (SEKOLAH), terdapat peningkatan penyertaan iaitu ;

- Jumlah penyertaan bagi tahun 2012  
- **6 buah sekolah**
- Jumlah penyertaan sehingga Oktober 2013  
- **32 buah sekolah**

Penyertaan bagi ANUGERAH SEKOLAH HIJAU juga didapati telah meningkat ;

- Jumlah penyertaan bagi tahun 2012  
- **53 buah sekolah**
- Jumlah penyertaan sehingga Oktober 2013  
- **86 buah sekolah**

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sukacita dimaklumkan, MPSP telah bekerjasama dengan agensi-agensi swasta bagi mengindahkan lagi kawasan di Seberang Perai dan berikut merupakan status program CSR ;

## **STATUS PROGRAM CSR LANDSKAP MPSP**

### **SENARAI PROJEK YANG TELAH SIAP : 9 LOKASI**

<b>Bil.</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Status</b>
1.	Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, SPU	Penaja – <b>MMC Gamuda Joint Venture</b> Projek telah siap pada Disember 2011 dengan kos RM607,000. Dirasmikan oleh YAB KM pada 9 Januari 2012. <i>Penyelenggaraan oleh MPSP bermula 10 Januari 2012.</i>
2.	Bulatan Bandar Perda, SPT	Penaja – <b>Aseania Dev. Sdn. Bhd.</b> Aseania Dev. Sdn Bhd telah tanam pokok bagi mengindahkan kawasan tersebut. Siap pada Mac 2012 dengan kos RM10,000.00. <i>Penyelenggaraan oleh MPSP bermula 5 November 2012.</i>
3.	Taman Linear, SPT - Taman Tunku, Seberang Jaya	Penaja – <b>SPEAD</b> Kerja-kerja naiktaraf dengan trek jogging 900m, gazebo, lampu 7 unit, baiki jambatan dan tanam pokok. Kos RM470,000. Pecah tanah pada 17 Mac 2012 oleh YB Chow. Dirasmikan oleh YAB KM pada 29 Julai 2012.
4.	Jalan Baru Perai, SPT (berhadapan Pearl View Hotel)	Penaja – <b>Pearl View Hotel</b> Pemasangan lampu hiasan jenis LED telah siap dipasang di pokok-pokok sediaada berhadapan Hotel Pearl View Jalan Baru, Perai, SPT. Kos RM30,000.00 mula Ogos 2012 hingga 2017 <i>Penyelenggaraan lampu hiasan adalah oleh penaja bermula 1 September 2012 hingga 31 Ogos 2017.</i>
5.	Bandar Sunway, Seberang Jaya, SPT	Penaja – <b>Sunway City (Penang) Sdn. Bhd.</b> Cadangan pemasangan 24 bil tong sampah jenis kayu telah siap dipasang di sekitar Bandar Sunway. Kos RM45,000.00 Mula Ogos 2012 hingga 2017. <i>Penyelenggaraan tong sampah oleh penaja bermula 1 September 2012 hingga 31 Ogos 2017.</i>

Bil.	Lokasi	Status
6.	Hadapan Kilang Teleplan Technology Services Sdn. Bhd.	<p><b>Penaja - Teleplan Technology Services Sdn. Bhd.</b>            Cadangan pengindahan di hadapan Kilang Teleplan Technology Services Sdn. Bhd dengan kos RM24,000.00.  <i>Penyelenggaraan oleh penaja bermula 15 Disember 2012 hingga 14 Disember 2017. Surat penghargaan telah dikeluarkan kepada penaja bertarikh 13 Februari 2013.</i></p>
7.	Jalan Permai Kampung Sanglang, SPS	<p><b>Penaja – Lim Su Kuang</b>            Cadangan pemasangan lampu hiasan di pokok-pokok sediaada di sebahagian Jalan Permai, Kampung Sanglang, SPS dengan kos RM5,000.00.  <i>Penyelenggaraan oleh penaja bermula 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2017. Surat penghargaan telah dikeluarkan kepada penaja bertarikh 13 Februari 2013.</i></p>
8.	Kawasan Lapang Taman Alma Indah, SPT	<p><b>Penaja – Persatuan Penduduk Taman Alma Indah</b>            Cadangan pembinaan trek jogging panjang trek tersebut 984 kaki dan lebar 4 kaki disepanjang kawasan lapang Taman Alma Indah dengan kos RM24,000.00. Majlis perasmian oleh Tuan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai telah diadakan pada 21 April 2013.</p>
9.	Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O., Bukit Mertajam, SPT	<p><b>Penaja – Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd</b>            Majlis Pelancaran Projek 'Corporate Social Responsibility' (CSR) Taman Rekreasi Bukit PBAPP D.O, Bukit Mertajam oleh Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng Ketua Menteri Pulau Pinang telah diadakan pada 4 Jun 2012. Kos RM1,147,326.12. Majlis Pecah Tanah telah dirasmikan oleh Y.A.B Ketua Menteri Pulau Pinang pada 11 Januari 2013.            Majlis Pembukaan Rasmi Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O., Bukit Mertajam, SPT telah diadakan pada 30 Julai 2013 dan dirasmikan oleh Y.A.B Tuan Lim Guan Eng Ketua Menteri Pulau Pinang.  <i>Projek dalam tempoh satu tahun 'defect liability period' oleh pihak kontraktor</i></p>

## SENARAI LOKASI ADA PENAJA DAN SEDANG DILAKSANAKAN : 7 LOKASI

Bil.	Lokasi	Status
1.	Kawasan lapang Taman Terbilang, SPU	Penaja – <b>Ananda Sri Bahwan Restaurant (M) Sdn. Bhd.</b> Penyelenggaraan tanah lapang
2.	Vision Park, Bertam, SPU	Penaja – <b>Bertam Properties Sdn. Bhd.</b> Bertam Properties telah membuat kerja-kerja pengindahan / taman seluas 23 ekar dan siap pada September 2012. Kos landskap RM 1 juta. Dalam penyelenggaraan pemaju masih belum diserahkan kepada Majlis.
3.	Taman Linear, SPT - Taman Tunku, Seberang Jaya	Penaja – <b>Malayan Sugar Manufacturing Co. Bhd.</b> Kerja-kerja penyelenggaraan Taman Tunku 2 / 3 kali sebulan dari Januari 2013 hingga Disember 2013.
4.	Anjung Bagan, Butterworth, SPU	Penaja - <b>Tah Wah Group</b> Cadangan naiktaraf kerja-kerja pengindahan landskap di Anjung Bagan dengan kos RM250,000.00 Tarikh mula kerja 26 Mei 2013 dan tarikh dijangka siap kerja pada 15 September 2013. Status pelaksanaan kerja di tapak adalah sebanyak 80%.
5.	Autocity, Juru, SPT	Penaja – <b>Golden Highway Auto-City Sdn. Bhd.</b> Cadangan pengindahan di Autocity Juru, SPT dengan kos RM25,000.00.

Bil.	Lokasi	Status
6.	Tanah Lapang Taman Bayu Mutiara	Penaja – <b>Tokong Ang San King</b> Cadangan pengindahan landskap di tanah lapang Taman Bayu Mutiara. Cadangan Majlis Pecah Tanah pada 22 hb September 2013
7.	Hadapan Kilang Professional Tools & Dies Sdn. Bhd.	Penaja – <b>Professional Tools &amp; Dies Sdn. Bhd.</b> Cadangan pengindahan di hadapan kilang Professional Tools & Dies Sdn. Bhd dengan kos RM25,000.00. Tarikh mula kerja 1 Ogos 2013 .Tarikh jangka siap 30 Ogos 2013. Status projek 80%.

## SENARAI LOKASI ADA PENAJA TETAPI BELUM DILAKSANAKAN : 9 LOKASI

Bil.	Lokasi	Status
1.	Taman Pantai	Penaja – <b>Penang Sentral Sdn. Bhd.</b> Pelan konsep telah dibentangkan pada 2 Ogos 2012. <i>Pihak penaja dalam proses mendapatkan kelulusan dari pihak lembaga pengarah Penang Sentral Sdn. Bhd. berhubung konsep rekabentuk dan bajet yang akan diperuntukan dalam cadangan ini.</i>
2.	Bulatan Bukit Tengah, SPT	Penaja – <b>DNP Land Sdn. Bhd.</b> Cadangan penanaman pokok dan pemasangan struktur 'seeds of joy' dengan kos RM850,000.00. <i>Penaja akan melaksanakan kerja penyediaan tapak dalam tempoh 2 minggu bermula 17 Jun 2013 – 30 Jun 2013.</i>
3.	Bulatan Tenggara, Seberang Jaya, SPT	Penaja – <b>Sunway City (Penang) Sdn. Bhd.</b> Cadangan pengindahan landskap di bulatan Tenggara, Seberang Jaya, SPT dengan kos RM200,000.00
4.	Bulatan Bandar Putra Bertam, SPU	Penaja – <b>Alliance University College Of Medical Science (AUCMS)</b> Pelan konsep telah dikemukakan pada 24 Mei 2012 dimana cadangan memasang struktur arca dan tanam pokok palma.
5.	Bulatan Bukit Minyak B, SPT	Penaja – <b>Tatt Giap Group Berhad</b> <i>Penaja sedang menyediakan pelan cadangan.</i>
6.	Jalan Baru Perai, SPT (Retaining Wall berhadapan Megamall)	Penaja – <b>Island Landcap Properties Group Sdn. Bhd.</b> Cadangan mengindahkan tembok penahan di hadapan Megamall, Jalan Baru, Perai <i>Surat kepada penaja untuk memohon pelan konsep baharu telah dikemukakan pada 13 Mei 2013.</i>
7.	Padang Awam Jawi, Nibong Tebal, SPS	Penaja – <b>Alfa Outdoor Sdn. Bhd.</b> Cadangan pencahayaan. <i>Penaja sedang menyediakan pelan cadangan.</i>
8.	Hadapan Kilang AKS Nivaas Sdn. Bhd.	Penaja – <b>AKS Nivaas Sdn. Bhd.</b> Cadangan pengindahan di hadapan kilang AKS Nivaas Sdn. Bhd dengan kos RM25,000.00 <i>Pelan cadangan telah diluluskan dalam Majlis Penuh ke-467 (05/2013) pada 30 Mei 2013</i>
9.	Medan Limbungan, Chain Ferry, Butterworth	Penaja – <b>Green Wealth Nursery</b> Cadangan pengindahan di tanah lapang Medan Limbungan, Chain Ferry Butterworth. <i>Mesyuarat teknikal telah diadakan pada 23 Mei 2013.</i>

## SENARAI LOKASI YANG BELUM DITAJA : 29 LOKASI

Bil	Lokasi
1	Pintu Masuk Bumbung Lima, SPU
2	Pintu Masuk Kg. Selamat, SPU
3	Pintu Masuk Ara Kuda, SPU
4	Bandar Butterworth, SPU
5	Jalan Bagan Luar, SPU
6	Taman Robina, Teluk Air Tawar SPU
7	Pantai Kamloon, SPU
8	Taman Rekreasi Padang Cempedak SPU
9	Bulatan Perusahaan Perai, SPT
10	Bulatan Seberang Jaya, SPT
11	Bulatan Bukit Minyak A, SPT
12	Pintu Masuk Machang Bubuk, SPT
13	Jalan Baru Perai, SPT
14	Taman Bandar Ampang Jajar, SPT
15	Taman Semilang, Seberang Jaya, SPT
16	Taman Rimba Cherok To' Kun, SPT
17	Empangan Tasek Mengkuang, SPT
18	Kolam Teratai, Taman Desa Damai SPT
19	Pintu Masuk Permatang Keling, SPS
20	Pintu Masuk Taman Sempadan, SPS
21	Pintu Masuk Sg. Hilir Kecil / Jln Kg. Besar, SPS
22	Pintu Masuk Jalan Relau, SPS
23	Pintu Masuk Jalan Tasek / Junjung, SPS
24	Taman Negeri Bukit Panchor, SPS
25	Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian, SPS
Bil	Lokasi
26	Taman Rekreasi Sungai Sanglang, SPS
27	Rizab jalan bermula dari pintu utama USM sehingga ke Ampang Jajar Kerian, SPS
28	Pekan Nibong Tebal, SPS
29	Tanah Lapang, Taman Bukit Panchor, SPS

Tuan-tuan dan puan-puan, sebagai makluman bagi jadual pemasangan CCTV di Seberang Perai adalah seperti berikut ;

**JADUAL PERBATUAN PEMASANGAN CCTV BAGI MPSP**

BIL	PERKARA	2013									
		MAC	APR	MAY	JUN	JUL	AUG	SEPT	OKT	NOV	DEC
1	PERBINCANGAN SPESIFIKASI CCTV					24					
2	LAWATAN TAPAK LOKASI HOTSPOT						20				
3	PENYEDIAAN SPESIFIKASI DAN DOKUMEN TENDER							1			
4	IKLAN TENDER							17			
5	PENILAIAN TENDER								7		
6	PELANTIKAN KONTRAKTOR								14		
7	BANTAHAN								17		
8	MULA KERJA									11	

Bagi pelaksanaan Program Bandar Selamat ;

## LAPORAN STATUS PELAKSANAAN FIZIKAL DAN KEWANGAN PROGRAM BANDAR SELAMAT 2013

Bil.	Senarai Projek	Kos Projek (RM)	Tarikh Mula	Tarikh Slap	Catatan (Kuantiti/Panjang) (m)
<b>BALAI POLIS PERAI</b>					
1	Cadangan menyiapkan kerja-kerja 'Program Bandar Selamat' di Jalan Kikik/Lorong Kikik 1, Seberang Perai Tengah	205,000.00	17.06.2013	09.09.2013	400
2	Cadangan menyiapkan kerja-kerja 'Program Bandar Selamat' di Lengkok Kikik 1 / Medan Kikik 3 / Lorong Kikik 7 (Pakej 1) , Seberang Perai Tengah	74,100.00	17.06.2013	09.09.2013	150
3	Cadangan menyiapkan kerja-kerja 'Program Bandar Selamat' di Lengkok Kikik 1 / Medan Kikik 3 / Lorong Kikik 7 (Pakej 2) , Seberang Perai Tengah	74,000.00	17.06.2013	09.09.2013	150
4	Cadangan menyiapkan kerja-kerja 'Program Bandar Selamat' di Lengkok Kikik 1 / Medan Kikik 3 / Lorong Kikik 7 (Pakej 3) , Seberang Perai Tengah	74,000.00	17.06.2013	09.09.2013	150
5	Cadangan menyiapkan kerja-kerja 'Program Bandar Selamat' di Lengkok Kikik 1 / Medan Kikik 3 / Lorong Kikik 7 (Pakej 4) , Seberang Perai Tengah	74,000.00	17.06.2013	09.09.2013	150
6	Cadangan menyiapkan kerja-kerja 'Program Bandar Selamat' di Lorong Kikik 7 / Jalan Kikik (Pakej 1) , Seberang Perai Tengah	91,650.00	17.06.2013	09.09.2013	200
7	Cadangan menyiapkan kerja-kerja 'Program Bandar Selamat' di Lorong Kikik 7 / Jalan Kikik (Pakej 2) , Seberang Perai Tengah	91,140.00	17.06.2013	09.09.2013	200
8	Cadangan menyiapkan kerja-kerja 'Program Bandar Selamat' di Lorong Kikik 7 / Jalan Kikik (Pakej 3) , Seberang Perai Tengah	91,000.00	17.06.2013	09.09.2013	200
9	Cadangan menyiapkan kerja-kerja 'Program Bandar Selamat' di Lorong Kikik 7 / Jalan Kikik (Pakej 4) , Seberang Perai Tengah	91,900.00	17.06.2013	09.09.2013	200
10	Cadangan menyiapkan kerja-kerja 'Program Bandar Selamat' di Lorong Kikik 7 / Medan Kikik 3, Seberang Perai Tengah	249,000.00	17.06.2013	09.09.2013	600
11	Cadangan menyiapkan kerja-kerja 'Program Bandar Selamat' di Medan Kikik 1 / Jalan Kikik / Medan Kikik 2, Seberang Perai Tengah	276,700.00	17.06.2013	09.09.2013	700
12	Cadangan menyiapkan kerja-kerja 'Program Bandar Selamat' di Persiaran Kikik 2 / Medan Kikik 2 / Tingkat Kikik 3, Seberang Perai Tengah	201,000.00	17.06.2013	09.09.2013	400
					3500

13	Kerja-kerja pemasangan lampu jalan jenis tiang konkrit TNB untuk pencahayaan bagi Program Bandar Selamat di kawasan Taman Inderawasih, Seberang Perai Tengah	162,075.00	17.06.2013	09.09.2013		116 Tiang 99 Lampu	
14	Kerja-kerja pemasangan lampu jalan jenis tiang konkrit dekoratif untuk pencahayaan bagi Bandar selamat di kawasan Taman Inderawasih, Seberang Perai Tengah	165,792.00	17.06.2013	09.09.2013		42 Tiang 53 Lampu	
15	Sebutarga cadangan menyiapkan kerja-kerja 'Program Bandar selamat ' iaitu membina dan menyiapkan bonggol jalan 'Road Hump' di kawasan Taman Chai Leng mengikut spesifikasi Majlis Perbandaran Seberang Perai.	49,910.00	05.08.2013	02.09.2013		7 Unit	
16	Sebutarga cadangan menyiapkan kerja-kerja 'Program Bandar selamat ' iaitu membina dan menyiapkan bonggol jalan 'Road Hump' di kawasan Inderawasih mengikut spesifikasi Majlis Perbandaran Seberang Perai.	49,700.00	05.08.2013	02.09.2013		7 Unit	
17	Sebutarga cadangan menyiapkan kerja-kerja 'Program Bandar selamat ' iaitu membekal dan memasang papan tanda motosikal berkunci dan papan tanda tallan kecemasan PDRM Seberang Perai.	49,780.00	05.08.2013	02.09.2013		78 Unit	
18	Sebutarga cadangan menyiapkan kerja-kerja 'Program Bandar selamat ' iaitu menyiapkan dan memasang tempat letak motosikal berkunci di Seberang Perai.	49,840.00	05.08.2013	02.09.2013		630 Petak	
19	Sebutarga Membekal 'Bollard' untuk program bandar selamat kepada MPSP	49,500.00	05.08.2013	02.09.2013		100 Unit	
20	Sebutarga Membekal rel penghadang'Railing' untuk program bandar selamat kepada MPSP	49,920.00	05.08.2013	02.09.2013		312 Meter	
21	Sebutarga Membekal 'Bollard Reflektif' untuk program bandar selamat kepada MPSP	49,600.00	05.08.2013	02.09.2013		100 Unit	
22	Sebutarga Membekal rel penghadang'Railing' di kawasan Taman Inderawasih untuk program bandar selamat kepada MPSP	49,920.00	05.08.2013	02.09.2013		312 Meter	
23	Sebutarga Membekal rel penghadang'Railing' di kawasan Taman Chai Leng untuk program bandar selamat kepada MPSP	49,920.00	05.08.2013	02.09.2013		312 Meter	
<b>JUMLAH</b>		<b>2,369,447.00</b>					

- **Ke Arah Antarabangsa**

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mengorak langkah ke persada antarabangsa dan menjadi ahli dalam “CityNet” (The Regional Network of Local Authorities for the Management of Human Settlements). Nama Seberang Perai telah terukir di dalam peta “CityNet”, iaitu sebuah organisasi antarabangsa yang merangkaikan banyak bandar-bandar besar dan utama di seluruh dunia. Melalui hubungan antarabangsa sebegini, kita dapat mempelajari “best practice” boleh dipraktikkan di MPSP. Semua pegawai yang dihantar tidak hanya menghadirkan diri sebagai peserta tetapi mereka diwajibkan menjalinkan hubungan dengan peserta dari bandar-bandar lain dan mempelajari teknologi terkini bandar tersebut. Dapatan daripada lawatan akan dilaksanakan di Seberang Perai. Contohnya baru-baru ini, penginapan, pengangkutan, bayaran kursus 2 warga kerja MPSP telah ditaja oleh “Citynet” untuk menghadiri *Increasing Corporate Profitability and Sustainability through Safety and 3Rs Program*. Seberang Perai juga menjalinkan hubungan persahabatan dengan Gwanju, Korea melalui perkongsian idea dan maklumat dalam bidang pentadbiran (*governance*) budaya, seni, pendidikan dan ekonomi.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, ingin saya memaklumkan pembayaran bonus setengah bulan gaji atau minimum RM 700.00 yang akan dibayar bersama-sama dengan gaji bulan Disember 2013. Oleh itu, saya berharap dengan pemberian bonus ini, semua warga kerja MPSP akan lebih berusaha dan memperbaiki kelemahan dan meningkatkan kemahiran kita dalam usaha menjadi penjawat awam yang dinamik, beretika dan berkemahiran tinggi.

Akhir sekali, saya mengucapkan selamat menyambut Hari Natal dan Selamat Tahun Baru 2014 kepada semua. Semoga tahun 2014 memberi sinar baru kepada MPSP dan bergerak lebih maju ke hadapan.